

19/04/2001

PNB terus terbit saham amanah baru

Veena Rusli; Betty Subaryati

KUMPULAN Permodalan Nasional Bhd (PNB) akan terus menerbitkan saham amanah baru dari semasa ke semasa bagi memastikan masyarakat boleh memilih mengikut kesesuaian kemampuan dan matlamat pelaburan masing-masing.

Sehubungan itu, Ketua Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, berkata pihaknya menganggap prestasi ekonomi negara yang agak menurun sejak kebelakangan ini adalah suasana paling sesuai untuk mewujudkan saham amanah baru berikutan harganya yang lebih rendah.

Beliau berkata, PNB yakin saham amanah terbaru yang bakal dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sempena sambutan Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di Kota Bharu, esok, akan mendapat sambutan seperti mana sebelum ini.

"Penurunan Indeks Komposit adalah masa terbaik bagi PNB melancarkan saham amanah baru... kita ambil kesempatan untuk mengumpul duit daripada masyarakat terbanyak yang melabur dan gunakan duit itu untuk membeli ketika saham murah.

"Biasanya, masyarakat berebut nak masuk pasaran bila saham tinggi dan bila harga saham jatuh, kita mulai takut.

"Kita kena sedar dunia pelaburan ada masa saham naik dan ada masa harga turun, jadi dengan sendirinya kita perlu memahami waktu yang sesuai (untuk membeli) ialah ketika harga rendah.

"Itulah sebabnya kita perlu memastikan bahawa duit yang dilabur mesti duit lebih, bukan duit yang diperlukan serta-merta," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian anugerah Skwad Beca Kreatif sempena Minggu Saham Amanah Malaysia 2001 di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB), semalam.

Sambutan Minggu Amanah Malaysia peringkat kebangsaan tahun ini dilakukan di Kelantan bermula 20 hingga 24 April.

Hamad Kama Piah berkata, prestasi lalu menunjukkan PNB sentiasa mampu memberi pulangan yang berdaya saing berbanding keadaan pasaran terhadap pelabur dalam pelbagai saham amanah terbitannya.

Katanya, masyarakat juga mulai memahami konsep pemberian dividen, bonus dan risiko hasil pelaburan mereka menerusi skim anjuran PNB.

"Kita ingin memberitahu bahawa dividen dan bonus yang diperolehi adalah bergandingan dengan risiko kerana saham amanah yang diterbitkan PNB mempunyai risiko agak rendah berbanding saham amanah lain.

"Keadaan itu dengan sendirinya mampu meyakinkan masyarakat bahawa pelaburan menerusi skim amanah terbitan PNB adalah sesuatu yang mudah," katanya.

Dalam perkembangan lain, Hamad Kama Piah berkata, PNB akan terus berusaha untuk meningkatkan portfolio dana yang diuruskan oleh Singapore Unit Trust (SUT) berikutan perkembangan positif yang dicatat sejak kebelakangan ini.

(END)